

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH]

TARIKH : 17 MEI 2016

RUJUKAN : 8970

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jelaskan kelayakan Nilai Arms and Ammunition Sdn. Bhd yang membolehkan syarikat ini untuk mendapatkan lesen penjualan senjata api.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Syarikat Nilai Arms and Ammunition Sdn Bhd telah diluluskan lesen perniagaan senjata api dan peluru pada 8 Mei 2012. Permohonan tersebut telah memenuhi semua keperluan yang ditetapkan di dalam garis panduan dan syarat-syarat serta sekatan-sekatan yang telah ditetapkan sepertimana yang dikenakan kepada lain-lain syarikat jual/beli senjata api bagi memperolehi lesen perniagaan senjata api di bawah Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN).